

TARIKH : 13 SEPTEMBER 2020
 AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 10

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my
 BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd., 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur



13 SEPTEMBER 2020

Datuk Seri Mustapa Mohamed

Pembangunan mampan perlu disebar luas ke akar umbi

Malaysia sudah merdeka selama 63 tahun. Felhagal coharan dan anak ditempuh. Untuk membina sebuah tamadun memakan masa panjang, tetapi hari ini Malaysia sudah membina tamadunya sendiri dalam tempoh singkat.

Semua ini bukan mudah. Negara hampir musnah disebabkan rusuhan kaum pada 1969 disalibkan pembaharuan ke ekonomi tidak adil.

Lima tahun kemudian, demonstrasi di Baling kerana kemiskinan. Kumpulan mahasiswa menganjurkan demonstrasi ini mendakwa ada yang mati kebuluran kerana tidak mampu membeli makanan disebabkan kejatuhan harga getah yang mendadak.

Dua anekdot ini antara pedoman kerajaan dan rakyat merangka strategi meningkatkan taraf hidup. Peningkatan ini bukan diukur semata-mata dalam bentuk wang ringgit, tetapi aspek kelestarian hidup dan akses kepada perkhidmatan asas seperti bekalan air dan elektrik.

Di Malaysia hari ini sudah tiada kebuluran, tetapi kemiskinan tetap ada. Berdasarkan kaedah baharu pengiraan kadar kemiskinan pada 2019, 405,441 isi rumah dikategorikan miskin kerana berpendapatan bawah RM2,208 atau 5.6 peratus daripada bilangan isi rumah seluruh negara.

Metodologi diguna pakai pada 2005 yang menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) RM980 sebulan mencatatkan jumlah kemiskinan hanya 0.2 peratus atau 16,633 isi rumah pada 2019, yakni hampir sifar miskin berbanding lebih 30 juta rakyat negara ini.

Kadar ini tidak munasabah. Banyak pihak yang meragui bilangan isi rumah miskin begitu kecil.

Masalah kemiskinan dan ketidakamanan hak bukan sahaja berlaku di Malaysia, tetapi di seluruh dunia. Perkara ini dibincangkan dan dibahasakan di Perubahan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan pelbagai agensi serantau serta antarabangsa.

Perhimpunan Agung PBB pada 10 Disember 1948 memperkenalkan Deklarasi Hak Asasi Manusia yang mengandungi 30 artikel sebagai standard pencapaian

umum bagi semua negara bernaung di bawahnya.

Walaupun kualiti hidup penduduk dunia semakin meningkat dalam tempoh 50 tahun lalu, masalah kebuluran dan kemiskinan masih melata.

Pada 2000, PBB mengisytiharkan Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) yang diterima pakai 192 negara bernaung di bawahnya. Badan itu menggariskan lapan matlamat perlu dicapai semua negara akhirnya dengan meletakkan pembasmian kemiskinan dan kebuluran agenda pertama. Matlamat perlu dicapai dalam tempoh 15 tahun.

Pada 2015, MDG digantikan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) atau 'Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan' bagi memastikan hasrat disepakati bersama tercapai.

Secara ringkas, SDG merangkumi 17 dimensi, iaitu kemajuan masyarakat; penjagaan bumi; keselamatan; keamanan; dan kerjasama. Perkara utama terangkum di bawah dimensi itu ialah kemiskinan, kesihatan, pendidikan, perlindungan sosial, peluang pekerjaan, perubahan iklim dan perlindungan alam sekitar.

SDG mempunyai 17 matlamat, 169 sasaran dan 232 petunjuk untuk diguna pakai 193 negara anggota PBB, termasuk Malaysia.

Malaysia amat komited mencapai matlamat ini. Ia diserap dalam dasar seperti Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 serta yang akan dilaksanakan dalam RMKe-12.

Kelestarian hidup bukan hanya diukur dengan harta atau wang, tetapi kehidupan sempurna dan kebahagiaan.

Namun pada masa ini, istilah Agenda 2030 atau SDG masih asing dan tidak difahami banyak pihak. Cuma kadang kala ia disebut pimpinan tertinggi ne-

gara apabila merasmikan seminar atau berakap dalam sesuatu majlis. Itu pun tidak banyak dipaparkan di media massa. Mungkin subjek ini tidak cukup 'seksi' untuk menarik perhatian media.

Justeru, ramai tidak tahu mengenai SDG dan apa kepentingannya kepada rakyat. Apatah lagi beberapa matlamat SDG ini sukar diukur atau diterjemahkan dalam bentuk fizikal dan material seperti bangunan yang kelihatan.

Seperti dijelaskan sebelum ini, SDG agenda memastikan kelestarian hidup atau bahasa mudahnya mencapai keabadian dengan mendapat hak serta akses terbaik seperti bekalan air, elektrik dan pendidikan untuk meneruskan kehidupan.

Kehidupan kita perlu seimbang dan kelestarian bukan hanya berdasarkan ekonomi, tetapi alam harus dijaga. Jika alam musnah akibat tindakan rakus mengejar wang, penduduk dunia akan berhadapan dengan masalah yang lebih dahsyat. Contohnya, pemanasan global dan pencemaran yang menjejaskan kesihatan.

Sebagai contoh, perbuatan empat beradik yang menyebabkan Sungai Gong, Selangor tercemar menyebabkan penduduk Lembah Klang menderita kerana terputus bekalan air selama empat hari. Beribu penduduk di sekitar Sungai Kimi Kim, Johor terpaksa dipindahkan dan mengalami kesesakan nafas disebabkan pencemaran berlaku setahun lalu.

Malaysia antara negara berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif dan program memastikan matlamat SDG dapat dicapai.

Negara kini pada peringkat ke-60 daripada 166 negara dalam Laporan Pembangunan Mampan 2019 dikeluarkan oleh Sustainable Development Solutions Network (SDSN).

Namun begitu, kita tidak boleh berpeluk tubuh. Sebagai contoh, walaupun isu kebuluran tidak lagi menjadi isu utama rakyat, timbul pula isu baharu, iaitu kekurangan pengambilan makanan bernutrisi atau berzat. Ini mentawa kepada masalah bantut dan kurang zat makanan dalam kalangan rakyat Malaysia, terutama pelajar sekolah.

Pada masa sama, peratusan terangkum dalam kumpulan obesiti atau lebih berat badan juga tinggi.

Bagi memastikan matlamat SDG tercapai, pelaksanaannya perlu disebar luas ke seluruh pelosok negara. Maksudnya, bukan hanya pada peringkat tertinggi di Putrajaya, tetapi harus di sarapkan ke peringkat bawah di daerah atau kampung.

Justeru, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai SDG (AP-PGM-SDG) disertai 10 Ahli Parlimen mengambil inisiatif memantau perkembangan ini pada peringkat akar umbi.

Sekretariatnya diketuai Felo Kehormat Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Dr Denison Jayasooria. Sekretariat ini menggunakan kaedah kualitatif dan dari bawah ke atas, dengan menumpukan maklumat yang boleh membantu kerajaan mengenai model pembangunan mampan.

Semua aktiviti berkaitan SDG diselenggarakan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang diberikan tanggungjawab sebagai agensi pusat dalam menyelaras semua hal berkaitan pencapaian SDG.

Majlis SDG Nasional dipengerusikan Perdana Menteri ditubuhkan di samping Jawatankuasa Pemandu dan beberapa jawatankuasa kerja berkaitan.

Jabatan Perancangan pula bertanggungjawab mengumpul maklumat dan data memantau pencapaian matlamat SDG di negara ini. Jabatan ini akan mengeluarkan laporan mengenai SDG bagi 2019, Oktober ini.

Saya berharap SDG ini dapat difahami dan dihayati lebih ramai pihak, terutama penggabul dsar dan rakyat akar umbi kerana bila kita bercakap mengenai SDG, kita bukan bercakap mengenai pembangunan di Putrajaya atau Lembah Klang sahaja, tetapi pembangunan seluruh negara.

Apabila ini berlaku, barulah matlamat SDG tercapai sepenuhnya dan kemakmuran akan dikongsi bersama.

Penulis adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)



Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan
SAIDON IDRIS
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital
M THILLINADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Edisi Cetak
AZHAR A SAMAH
azhara@bh.com.my

Ketua Konvergen, Komersial & Multimedia NSTP
DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN
madzaini@bh.com.my